

30 DEC 2003

Perutusan-2004

TAHUN 2004 BERSEJARAH BAGI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA - SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Tahun 2004 akan menjadi tahun yang bersejarah bagi masyarakat India Malaysia dengan pembukaan sepenuhnya Institut Perubatan, Sains dan Teknologi (AIMST), sebuah institusi pengajian tinggi yang dikendalikan MIC.

Presiden parti itu Datuk Seri S. Samy Vellu berkata pembangunan dalam bidang pendidikan akan terus menjadi agenda utama MIC pada tahun depan, kata beliau dalam perutusan Tahun Baru 2004.

Katanya MIC akan terus membela nasib masyarakat India di negara ini terutama sekali dalam memastikan mereka mendapat pendidikan yang secukupnya, khususnya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

"MIC sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa pendidikan merupakan kunci kejayaan sesuatu bangsa," kata beliau.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata dalam aspek politik pula Malaysia akan terus kekal aman di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata MIC yakin Barisan Nasional (BN) akan mampu meneruskan kejayaannya mentadbir negara dengan kemenangan yang lebih besar dalam pilihan raya umum akan datang.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam perutusannya berkata kebangkitan fundamentalisme agama daripada semua pihak merupakan satu cabaran kepada rakyat Malaysia untuk berwaspada pada tahun akan datang.

"Fundamentalisme agama yang boleh mencetuskan perselisihan di kalangan pelbagai kaum yang kini hidup dalam keadaan aman dan harmoni di Malaysia, hendaklah ditolak sama sekali," kata beliau.

Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata tahun 2004 akan menyaksikan kemajuan pentadbiran berterusan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Abdullah menjadi Perdana Menteri Malaysia kelima menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Lim yakin orang ramai akan memberikan sokongan kepada komitmen Abdullah untuk membanteras rasuah, perbelanjaan berjimat dan meningkatkan harmoni di kalangan rakyat akan terus dijalankan pada tahun baru ini.

Beliau berkata peralihan kuasa yang lancar daripada Dr Mahathir kepada Abdullah menunjukkan kematangan dan kestabilan BN sebagai sebuah entiti politik.

"Keyakinan rakyat Malaysia terhadap kepimpinan Abdullah dan BN lebih ketara mengenai keamanan, kemakmuran dan pembangunan yang telah dilaksanakan BN untuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama sepanjang 46 tahun ia berkuasa, kata beliau.

Dalam hubungan itu, beliau berkata rakyat Malaysia mestilah juga terus berwaspada dan memberikan sokongan mereka terhadap usaha kerajaan menghapuskan keganasan serta juga pengaruh pegganas.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas dalam perutusannya berkata rakyat Malaysia harus mengambil iktibar dan berazam meningkatkan ilmu pengetahuan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berfikiran cekal.

"Penguasaan ilmu adalah sangat penting untuk meningkatkan tahap pemikiran dan menyediakan diri bagi menghadapi cabaran baru dalam dunia globalisasi yang penuh kompetitif," katanya

Beliau berkata rakyat Malaysia jika leka dan gagal melengkapkan diri mengikut perubahan semasa, akan ketinggalan dan sukar bersaing dengan mereka yang lebih berilmu pengetahuan.

"Kita harus mengambil inisiatif dan menggandakan usaha untuk menjadikan diri yang terbaik. Ilmu pengetahuan tidak mempunyai batasan, isu-isu semasa negara juga merupakan ilmu yang perlu dititikberatkan," katanya.

Kayveas, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata ibu bapa juga harus pandai mendidik anak-anak mereka dengan bijak dan menerapkan nilai-nilai moral supaya anak-anak mempunyai jati diri yang baik.

-- BERNAMA

NN SR KHY BK